

## REMAJA DALAM PERSPEKTIF AL-QURAN: ANALISIS KAJIAN TEMATIKAL<sup>(\*)</sup>

*(Adolescents in the Perspective of The Quran: Analysis of Thematic  
Studies)*

Basirah binti Abu Bakar<sup>1</sup>

### ABSTRACT

Adolescents are not limited to theoretical research alone, but in the Quran, there is also a detailed explanation of adolescents. This study focuses the analysis of thematic study of Quranic verses that refer to adolescence, the characteristics of youth in the Quran and recovery as an approach towards youth according to the Quran. The methodology of this study is to use a qualitative method of collecting Quranic verses related to youth. In addition, the analysis method is used in making the division according to the appropriate theme. In addition, there are several important components in the process of identification of youths based on the guidance of the Quran as the main thrust of this study. This component refers to adolescent terminology and adolescent characteristics in the Quran. This study sums up thematically with regard to the terminology and characteristics of youth in the Quran so that there can be an approach towards youth according to the Quran.

**Keywords:** *Adolescents, Quranic Perspective, Thematic Analysis.*

### ABSTRAK

Remaja tidak terbatas kepada penyelidikan teori sahaja, sebaliknya di dalam al-Quran juga terdapat penjelasan yang terperinci tentang remaja. Kajian ini memfokuskan analisis kajian secara tematik terhadap ayat-ayat al-Quran yang merujuk kepada remaja, karakteristik remaja dalam al-Quran dan pemulihan sebagai pendekatan terhadap remaja menurut al-

---

<sup>(\*)</sup> This article was submitted on: 11/04/2022 and accepted for publication on: 15/06/2022.

<sup>1</sup> Senior Lecturer, Centre for Fundamental Studies, Management and Science University (MSU)  
Email: [basirah\\_abubakar@msu.edu.my](mailto:basirah_abubakar@msu.edu.my)

Quran. Metodologi kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan remaja. Di samping itu, kaedah analisis digunakan dalam membuat pembahagian mengikut tema yang bersesuaian. Selain itu, terdapat beberapa komponen penting dalam proses pengenalan remaja berteraskan panduan al-Quran sebagai teras utama kajian ini. Komponen ini adalah merujuk kepada terminologi remaja dan karakteristik remaja dalam al-Quran. Kajian ini merumuskan secara tematikal berkenaan dengan terminologi dan karakteristik remaja di dalam al-Quran supaya dapat sebuah pendekatan dakwah terhadap remaja menurut al-Quran.

**Kata Kunci:** *Remaja, Perspektif al-Quran, Analisis Tematik*

## 1. DEFINISI REMAJA

Remaja pada umumnya berada pada kelompok usia yang ingin mencapai usia dewasa. Namun, ada perbezaan antara pandangan Barat dan Islam terhadap definisi pemuda. Organisasi Kesehatan Dunia (WHO) menyatakan batasan usia untuk remaja adalah di antara usia 10 dan 19 tahun. Remaja pada usia ini dianggap sebagai kelompok yang sehat. Namun, pada usia ini, banyak remaja meninggal dunia karena kesengsaraan, bunuh diri, tumor ganas, dan kelahiran di luar nikah. Selain itu, terdapat juga remaja yang menderita penyakit kronis seperti HIV, kekurangan gizi, dan penyakit akibat penggunaan tembakau yang berlebihan<sup>2</sup>.

Menurut Stanley Hall, remaja ialah persediaan kanak-kanak untuk menjadi dewasa yang sihat dan menarik. Perubahan fizikal dan mental remaja dipengaruhi oleh perbezaan individu dan kepelbagaian budaya. Semasa remaja, mereka juga mengalami pelbagai cabaran dan dugaan. Ini boleh membawa kepada perubahan fizikal, intelek dan emosi yang besar yang boleh membawa kepada konflik dalam kehidupan remaja. Kumpulan umur 14 hingga 24 adalah perubahan yang sangat kompleks. Pelbagai perubahan yang berlaku pada diri, badan, minda, dan emosi. Hall juga menyatakan bahawa zaman remaja ialah usia di mana seseorang itu mengalami pelbagai cabaran dan tekanan. Ini kerana mereka terpaksa berhadapan dengan konflik dalam diri dan dalam masyarakat<sup>3</sup>. Selain itu, remaja di negeri

---

<sup>2</sup> *Adolscnt Health*, laman Sesawang WHO dicapai pada 5 Februari 2022, [www.who.int](http://www.who.int).

<sup>3</sup> Jeffrey Jensen Arnett. (2006). G.Stanley Hall's Adolescence: Brilliance And Nonsences. *History of Psychology* 9 187. Lihat juga laman sesawang G.Stanley Hall's Adolescence dicapai pada 5 Februari 2022, [www.jeffreyarnett.com](http://www.jeffreyarnett.com).

Flasher dan Gerein sering mengalami konflik dan masalah mencari identiti diri<sup>4</sup>. Imam Shafiy membahagikan proses perkembangan manusia kepada tujuh peringkat dari bayi baru lahir hingga akhir hayat. Tujuh peringkat proses perkembangan ialah: umur bayi, umur kanak-kanak, umur remaja, umur muda, umur matang, usia tua, dan demensia. Sedangkan menurut fiqh terdapat empat peringkat hukum yang diwajibkan bagi setiap orang iaitu; bawah umur, juvana, dewasa dan warga emas.<sup>5</sup>

Pelbagai pendapat dalam menentukan had umur untuk remaja. Pada pandangan Barat, remaja ialah mereka yang berumur antara 10-18 atau 13-15 tahun. Namun, Islam menetapkan akil baligh sudah mencapai umur 15 tahun, atau mimpi pancut lelaki dan haid perempuan. Remaja berumur 15-18 melalui proses pergolakan emosi, keseimbangan mental, kematangan mental dan perubahan bentuk badan.<sup>6</sup>

## 2. TERMINOLOGI REMAJA DI DALAM AL-QURAN

Istilah remaja dalam al-Quran terbahagi kepada dua golongan iaitu: *fata* dan *ghulam*. Walau bagaimanapun, *sabi* dan *walad* juga boleh diklasifikasikan sebagai istilah remaja. Tetapi perkataan *sabi* dan *walad* dalam al-Quran lebih kepada kanak-kanak atau bawah umur.

Kalimah *fata* terdapat pada enam tempat di dalam al-Quran iaitu di dalam surah Yusuf, al-Kahfi dan al-Anbiya'. Berikut adalah senarai *fata* di dalam al-Quran:

Bil.	Keonsptual	Perkataan	Ayat dan Surah
1.	Remaja	<i>Fata</i>	12:36, 18:13, 18:60, 18:60, 18:62, 21:60
2.		<i>Ghulam</i>	12:19, 15:53, 18:74, 18:82, 19:7-8

Jadual 1: Ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan makna remaja

<sup>4</sup> Flisher, Alan J. dan Gerein, Nancy. (2017). Adolescents. *International Encyclopedia of Public Health*, 10-15.

<sup>5</sup> Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali dan Hanit Osman. (2013). *Kaunseling Dalam Islam*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 165.

<sup>6</sup> Kahiriah Hussein. (2016). *Ibu Pendidik Generasi Islam*. Jakarta: Firduss Pressindo, 166.

Makna *fata* (فتى) adalah lelaki muda yang sudah mencapai umur baligh<sup>7</sup>. Jamaknya adalah *fityah* (فتية) dan *fityan* (فتيان). Manakala bagi wanita muda pula adalah *fatah* (فتاة) dan jamaknya adalah *fatayat* Quran-. Di dalam al<sup>8</sup>(فتيات) kalimah ini diulang sebanyak sepuluh kali seperti yang berikut: kalimah *fata* (فتى) diulang sebanyak empat kali iaitu di dalam surah Yusuf 12:30, surah al-Kahfi 18:60 dan 62, dan al-Anbiya' 21:60. Kalimah *fatayan* (فتيان) pula disebut di dalam surah Yusuf 12:36. Kalimah *fityah* (فتية) pula disebut sebanyak dua kali di dalam surah al-Kahfi 18:10 dan 13. Adapun kalimah *fatayat* (فتيات) diulang sebanyak dua kali di dalam surah an-Nisa' 4:25 dan surah Nur 24:33<sup>9</sup>. Walaubagaimanapun, kalimah *fata* yang ingin tekankan adalah kalimah yang membawa makna kepada remaja. Dengan itu, kalimah *fata* yang benar-benar merujuk kepada makna remaja hanya disebut di dalam enam tempat iaitu pada surah Yusuf 12:36, surah al-Kahfi 18:10, 13, 60, 62 dan surah al-Anbiya' 21:60<sup>10</sup>.

*Fatayan* di dalam surah Yusuf menunjukkan dua orang pemuda yang dimasukkan ke dalam penjara bersama-sama dengan Nabi Yusuf<sup>11</sup>. Menurut al-Baghawi pada kalimah *fatayan* dalam surah Yusuf ayat 36 menunjukkan *ghulaman* iaitu remaja yang menjadi pembantu<sup>12</sup>. *Fityah* di dalam surah al-Kahfi ayat 10 dan 13 menunjukkan remaja-remaja yang beriman mencari tempat berlindung di dalam gua. Kalimah *fityah* adalah jamak daripada kalimah *fata* yang bermaksud remaja<sup>13</sup>. Kalimah *fityah* dalam surah al-Kahfi menurut al-Qaysi menunjukkan mereka adalah remaja yang beriman kepada Allah dan melarikan diri ke gua dari menyembah berhala yang disuruh oleh pemerintah mereka<sup>14</sup>.

<sup>7</sup> Basil Mahmud Al-Haqi. (2011). *Fiqhu At-Tufulah Ahkam an-Nafs Dirasah Muqaranah*. Lubnan: Dar Nawadir, 69.

<sup>8</sup> Zulkifli Mohd Yusoff. (2009). *Kamus Al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam Al-Quran*. Selangor: PTS Islamika Sdn.Bhd, 436.

<sup>9</sup> *Ibid*

<sup>10</sup> Muhammad bin Yusuf As-Syahid. (1993). *Tafsir Bahrul Muhit*. (Vol. 6) Lubnan: Darul Kutub Al-Ilmiyyah, 100.

<sup>11</sup> Jalaluddin Al-Muhaili dan Jalaluddin As-Sayuti. (2010). *Tafsir Jalalain Berikut Asbabun Nuzul*. Terjmh: Bahrin Abu Bakar. (Vol. 1). Bandung: Sinar Baru Algensindo, 903.

<sup>12</sup> Mahya Sunnah, Abu Muhammad Hussein bin Masu'd al-Baghawi. (1997). *Ma'alim at-Tanzil Fi Tafsir Quran: Tafsir al-Baghawi*. (Vol. 4). Riyadh: Dar Tayyibah, 240.

<sup>13</sup> Jalaluddin Al-Muhaili dan Jalaluddin As-Sayuti. *Tafsir Jalalain Berikut Asbabun Nuzul*. (Vol. 2), 3-4.

<sup>14</sup> Abu Muhammad Makki bin Abi Talib. (2008). *Al-Hidayah ila Bulugh Nibayah Fi Ilm Ma'ani Quran*. (Vol. 6, Ed. 1). Sharjah: Majmu'ah Buhus Kitab wa Sunnah, Kuliyyah Syariah dan Pengajian Islam Universiti Sharjah, 4330.

*Fata* di dalam surah al-Anbiya' menurut Ibn Abbas dan Abu Bakar Makki merujuk kepada Yusya' bin Nun yang merupakan seorang remaja yang dijaga oleh Bani Israel. Dinamakan *fata* kerana Yusya' merupakan pembantu dan sentiasa mengikut Nabi Musa<sup>15</sup>. Yusya' merupakan pengikut dan pelayan Nabi Musa serta menimba banyak ilmu padanya. Kalimah *fata* di dalam surah al-Kahfi pada ayat 60 dan 62 juga merujuk kepada Yusya' bin Nun. Manakala kalimah *fata* pada surah al-Anbiya' ayat 60 pula bermaksud seorang remaja iaitu Nabi Ibrahim yang mencaci maki berhala kaumnya<sup>16</sup>. Di dalam *Zabrat at-Tafasir* dan *Mawsu'ah al-Quraniyyah* menyatakan kalimah *fata* pada surah al-Anbiya' adalah lingkungan umur Nabi Ibrahim ketika itu iaitu di antara *syabab* iaitu pemuda dan *fata* iaitu remaja<sup>17</sup>.

Berdasarkan huraian terminologi kalimah *fata* yang terdapat di dalam ayat-ayat di dalam jadual 1, *fata* merujuk kepada dua terminologi khusus iaitu remaja dan pembantu atau pelayan yang masih remaja.

Makna *ghulam* (غلام) dari segi bahasa adalah keinginan dalam syahwat, adapun makna yang lain adalah merujuk kepada budak lelaki. *Ghulam* ini disandarkan kepada budak yang berumur dua tahun hingga 17 tahun<sup>18</sup>. Menurut Sya'rawi, *ghulam* pada surah Yusuf menunjukkan seorang remaja iaitu Nabi Yusuf yang djumpai oleh pendagang. Nabi Yusuf ketika itu sedang bergantung pada tali timba di dalam telaga. Pada ayat 53 surah al-Hijr, kalimah *ghulam* menunjukkan remaja lelaki yang mempunyai ilmu yang banyak iaitu Nabi Ishaq<sup>19</sup>. Di dalam ayat ini Allah mendatangkan khabar gembira dengan mengurniakan anak lelaki kepada Nabi Ibrahim iaitu Nabi Ishaq yang berilmu di waktu kecilnya dan hebat di usia dewasanya<sup>20</sup>.

---

<sup>15</sup> *Ibid.*, 4415. Disebut juga dalam Abdullah bin 'Abbas. (1992). *Tanwir Al-Miqbas min Tafsir Ibn 'Abbas*. Labenon: Dar Kutub 'Ilmiyyah, 249.

<sup>16</sup> Jalal al-Din al-Mahalli dan Jalal al-Din as-Sayuti, *Tafsir Jalalain*. (Vol. 1), 135.

<sup>17</sup> Muhamad bin Ahmad. (T.T.). *Zabratul Tafasir*. (Vol. 6). Kaherah: Dar Fikir 'Arabi, 4889. Lihat juga Ibrahim bin Ismail al-Aibari. (1985). *Mawsu'atul Quraniyyah*. (Vol. 10). Kaherah: Muasasah Sijil Arab, 327.

<sup>18</sup> Basil Mahmud al-Haqi. *Fiqh At-Tufulah Ahkam an-Nafs Dirasah Muqaranah*, 67-68.

<sup>19</sup> Muhammad Mutawali Sya'rawi. (1997). *Tafsir Sya'rawi*. (Vol. 11). T.T.: Akhbar El Youm Press, 6895.

<sup>20</sup> Abdullah bin 'Abbas. *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn 'Abbas*. 218. Lihat juga Mahya Sunnah, *Ma'alim at-Tanzil Fi Tafsir Quran: Tafsir al-Baghawi*. (Vol. 4), 223.

Di dalam surah al-Kahfi, *ghulam* yang disebutkan adalah remaja-remaja yang tidak mencapai usia baligh ditemui oleh Nabi Musa sepanjang perjalanannya dengan Nabi Khidir ketika menuntut ilmu. *Ghulam* pada ayat 74, surah al-Kahfi adalah menunjukkan remaja yang dibunuh oleh Nabi Khidir. Manakala *ghulamain* pada ayat 82 surah al-Kahfi, ia merujuk kepada dua orang remaja yatim. Pada ayat 7 dan 8 surah Maryam terdapat kalimah *ghulam* yang menunjukkan anak lelaki iaitu Nabi Yahya, anak kepada Nabi Zakaria<sup>21</sup>. Terminologi kalimah *ghulam* di dalam jadual 2.2 dapat disimpulkan bahawa usia yang akan dicapai oleh seorang lelaki.

### 3. HASIL KAJIAN

Dapatan daripada remaja dalam perspektif al-Quran secara khusus dibincang dan dianalisis melalui dua sub kajian iaitu (1) karakteristik remaja dalam al-Quran. (2) pemulihan sebagai pendekatan terhadap remaja menurut al-Quran.

#### 3.1 Karakteristik remaja dalam al-Quran

Remaja merupakan batasan umur yang mudah terdedah dengan pergolakan emosi dan mental yang negatif sehingga menyebabkan karakteristik remaja boleh berubah-ubah. Perubahan itu dapat memudahkan mereka cenderung kepada kebaikan atau keburukan. Sebagai contoh sifat inkuiri remaja yang tinggi. Ia memberikan kebaikan sekiranya inkuiri mereka terhadap benda yang baik, dan keburukan terhadap inkuiri yang sebaliknya<sup>22</sup>.

Terdapat juga teori Barat tentang karakteristik manusia sama dengan pandangan Islam. Akan tetapi, mereka mengkaji karakteristik manusia dari sudut luaran sahaja dengan merujuk kepada persekitaran, proses pembahagian, kemahiran keibubapaan dan keperluan jasmani. Keadaan ini berlaku kerana pengkaji tersebut tidak dibimbing oleh al-Quran dan kajian itu hanya dibuat berdasarkan latar belakang masyarakat Barat<sup>23</sup>. Al-Quran merakamkan tiga karakteristik yang terdapat pada remaja iaitu; karakteristik positif, karakteristik negatif dan karakteristik tidak tetap.

---

<sup>21</sup> Abu Abdullah Muhammad bin Umar. (T.T.). *Mafatihul Ghaib*. (Vol. 21). Beirut: Dar Ihya Turath Arabi, 486-489.

<sup>22</sup> Jeffrey Jensen Arnett. (2006). G.Stanley Hall's Adolescence: Brilliance And Nonsences. *History of Psychology* 9, 187. [www.jeffreyarnett.com](http://www.jeffreyarnett.com).

<sup>23</sup> Dolah Mohamed. (2013). *Kaedah Kaunseling Masalah Remaja dalam Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. (Ed. Ke-2). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 177.

Terdapat sebanyak 68 ayat yang merujuk kepada terminologi remaja di dalam al-Quran. Remaja di dalam al-Quran boleh dibahagikan kepada perkataan anak, anak-anak dan anak-cucu di dalam al-Quran<sup>24</sup>. Terminologi remaja di dalam al-Quran terbahagi kepada dua iaitu; *fata* dan *ghulam*. Selain itu, *sabi* dan *walad* juga boleh dikategorikan dalam terminologi remaja. Karakteristik remaja di dalam al-Quran dapat dianalisis melalui jadual di bawah:

Bil.	Karakteristik	Positif	Negatif	Berubah	Surah/Ayat
1.	Pengikut yang setia	√			10:83
2.	Inkiuri yang tinggi			√	12:36
3.	Tetap pendirian	√			18:10
4.	Mudah dilentur			√	18:13-14
5.	Sifat mudah kesal	√			5:29-30
6.	Degil		√		11:42-43
7.	Ego		√		11: 42-43
8.	Berani dalam menyatakan sesuatu			√	21:60
9.	Keimanan yang tinggi	√			18:14-15
10.	Mengutamakan perasaan secara melulu		√		5:27-28
11.	Cepat belajar			√	5:31

**Jadual 2:** Analisis Karakteristik Remaja Dalam Al-Quran

Berdasarkan jadual 2, karakteristik remaja di dalam al-Quran boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu; positif, negatif dan berubah-ubah. Berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang dinyatakan, kaedah pendekatan dan pemulihan yang betul dapat memupuk sifat positif para remaja. Al-Quran banyak memberi contoh bahawa karakteristik remaja cenderung kepada kebaikan berbanding dengan karakteristik yang negatif.

<sup>24</sup> Deni Hamdani Firdaus dan Yudi Sirajuddin Syarif. (2008). *Kamus Al-Quran: Cara Mudah Mencari Makna Dalam Al-Quran*. Jakarta: Pustaka Ancala, 23.

Terdapat empat jenis karakteristik positif remaja yang dinyatakan di dalam al-Quran iaitu; kesetiaan, tetap pendirian, mudah kesal dan keimanan yang tinggi. Karakteristik positif remaja yang telah digali daripada al-Quran ini dapat dimanfaatkan kepada pendidik, ibu bapa dan masyarakat.

Firman Allah s.w.t:

خُنْ نَقْصُ عَلَيكَ نَبَاهُمْ بِالْحَقِّ إِيَّاهُمْ فَتِيَّةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَهُمْ هُدًى  
 وَرَبَطْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَنْ  
 نَدْعُوَ مِنْ دُونِهِ إِلَهًا لَقَدْ قُلْنَا إِذًا شَطَطًا ﴿١٣﴾

Al-Kahfi 18:13-14

Terjemahan: *Kami kisahkan kepadamu (Muhammad) cerita ini dengan benar. Sesungguhnya mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambah pula untuk mereka petunjuk. (13) Dan Kami meneguhkan hati mereka di waktu mereka berdiri, lalu mereka pun berkata, "Tuhan kami adalah Tuhan seluruh langit dan bumi. Kami sekali-kali tidak menyeru Tuhan selain Dia, Sesungguhnya kami kalau demikian telah mengucapkan perkataan yang amat jauh dari kebenaran"(14).*

Di dalam ayat ini sebagaimana ditafsirkan oleh Ibnu Kathir dan Abu Hafz bahawa Allah telah meneguhkan keimanan hati remaja-remaja al-Kahfi agar tidak mengikuti agama yang dianuti oleh kaum mereka. Oleh itu, remaja al-Kahfi meninggalkan kehidupan yang serba mewah dan negara mereka<sup>25</sup>. Kesimpulannya, setiap generasi baru akan melahirkan perspektif baru dalam keagamaan sejajar dengan arus perkembangan zaman. Seharusnya remaja dewasa kini, perlu lebih memahami tujuan kehidupan dan orientasi Islam kerana dunia telah didedahkan dengan pelbagai kemudahan untuk dirujuk.

Kesan daripada ayat ini menunjukkan telah menjadi kebiasaan remaja itu lebih cepat tampil ke hadapan untuk menyahut seruan dan lebih mudah untuk menerima kebenaran. Selain itu, remaja juga senang dipandu ke jalan yang benar jika dibandingkan dengan golongan dewasa yang kolot kerana masih berpegang

<sup>25</sup> Abu Fida' Ismail bin Umar. (1999). *Tafsir Quran al-Azim*. (Vol. 4). Riyadh: Dar Toyyibah Li Nashr wa Tauzi', 172-173. Lihat juga Abu Hafz Sirajuddin Umar bin Ali. (1998). *Al-Lubab Fi Ulum al-Quran*. (Vol. 12). Lubnan: Dar Kutub al-'Alamiyyah, 436.



dengan agama lama. Dan kerana itu, golongan yang menyahut seruan nabi Muhammad s.a.w kebanyakannya dari para pemuda. Allah telah memberikan ilham kepada remaja-remaja al-Kahfi untuk menguatkan azam serta kemahuan mereka dan meneguhkan hati mereka dengan cahaya keimanan sehingga mereka sanggup hidup menderita<sup>26</sup>.

Firman Allah s.w.t:

إِذْ أَوْىُّ الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا

رَشْدًا ﴿١٨﴾

Al-Kahfi 18:10

Terjemahan: (*Ingatlah*) tatkala Para pemuda itu mencari tempat berlindung ke dalam gua, lalu mereka berdoa: "Wahai Tuhan Kami, berikanlah rahmat kepada Kami dari sisi-Mu dan sempurnakanlah bagi Kami petunjuk yang Lurus dalam urusan Kami (ini)."

Remaja-remaja al-Kahfi telah diancam akan dibunuh oleh pemerintah sekiranya tidak mahu menyembah berhala. Akhirnya mereka melarikan diri untuk menyelamatkan nyawa dan keimanan mereka agar dapat mengamalkan agama dan beribadat dengan Allah dengan bebas. Mereka berdoa agar pergerakan mereka dipermudahkan oleh Allah<sup>27</sup>. Remaja-remaja al-Kahfi nekad meninggalkan kampung mereka dan pergi bersembunyi ke dalam sebuah gua. Di sepanjang perjalanan, mereka memohon perlindungan kepada Allah<sup>28</sup> dan meminta agar ditetapkan keimanan mereka<sup>29</sup>. *Rahmah* di dalam ayat ini menunjukkan hidayah dalam beragama. Ibn 'Abbas berpendapat bahawa kalimah *rasyada* itu adalah petunjuk jalan dan keselamatan yang akan diberikan apabila keluar dari gua<sup>30</sup>. Ayat ini menunjukkan remaja mempunyai sifat tetap pendirian atas apa yang dipegang. Remaja al-Kahfi tetap dengan pendirian mereka walaupun mereka diduga dengan pemerintah yang kejam, mereka juga diduga dengan ketiadaan tempat berlindung sehingga terpaksa berlindung di dalam gua.

<sup>26</sup> Ahmad Sonhadji Mohamad. (1992). *Tafsir Juz 15: Tafsir Di Radio Al-Quran*, Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 197.

<sup>27</sup> Abdullah bin 'Abbas. *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn 'Abbas*, 244.

<sup>28</sup> *Ibid*.

<sup>29</sup> Mahya Sunnah, *Ma'alim at-Tanzil Fi Tafsir Quran: Tafsir al-Baghawi*. (Vol. 5), 155.

<sup>30</sup> Abdullah bin 'Abbas. *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn 'Abbas*, 244.

Berdasarkan ayat 10 surah al-Kahfi, dapat disimpulkan bahawa remaja sangat mengambil berat dengan pandangan masyarakat terhadap perbuatan mereka. Dengan itu, remaja al-Kahfi memilih untuk masuk ke dalam gua supaya mereka tidak dijadikan tumpuan oleh kaum mereka yang menyekutukan Allah. Hakikatnya, remaja sangat sensitif terhadap apa pandangan masyarakat terhadap mereka. Akan tetapi, remaja suka untuk diberikan pengiktirafan dan perakuan daripada masyarakat<sup>31</sup>.

Firman Allah s.w.t:

وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَن  
 نَدْعُوهُ مِنْ دُونِهِ إِلَهًا لَقَدْ قُلْنَا إِذًا شَطَطًا ﴿١٤﴾ هَتُولَاءِ قَوْمَنَا آخِذُوا مِنْ  
 دُونِهِ ۗ إِلَهَةٌ لَّوَلَا يَأْتُونَ عَلَيْهِمْ بِسُلْطَنٍ بَيْنَ يَدَيْهِمْ لِيُظْهِرُوا لِمَنْ آفَتَرَىٰ  
 عَلَىٰ اللَّهِ كَذِبًا ﴿١٥﴾

Al-Kahfi 18:14-15

Terjemahan: *Dan Kami meneguhkan hati mereka diwaktu mereka berdiri, lalu mereka pun berkata: "Tuhan kami adalah Tuhan seluruh langit dan bumi, kami sekali-kali tidak menyeru Tuhan selain Dia. Sesungguhnya kami kalau demikian telah mengucapkan perkataan yang amat jauh dari kebenaran". (14) Kaum kami ini telah menjadikan selain Dia sebagai tuhan-tuhan (untuk disembah). mengapa mereka tidak mengemukakan alasan yang terang (tentang kepercayaan mereka)? Siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah? (15)*

Di sini Allah menyebutkan tuturkata yang diucapkan oleh remaja-remaja al-Kahfi itu sesama mereka iaitu:

*"mereka ini adalah golongan kaum kita yang tua-tua lagi pula mempunyai pengalaman yang lebih daripada kita. Tetapi sayangnya mereka telah menyekutukan Allah. Mengapa mereka tidak memberikan bukti yang terang untuk menguatkan dakwaan mereka. Sesungguhnya mereka telah menganiayai diri sendiri disebabkan apa yang mereka lakukan. Sesungguhnya, mereka tidak ada orang yang paling zalim*

<sup>31</sup> Fariza Md.Sham. (2013). Perkembangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. (Ed. Ke-2). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 66-67.

dan aniyai melebihi daripada mereka yang telah membuat dan mengada-adakan dusta terhadap Allah.”<sup>32</sup>.

Di dalam ayat 14 surah al-Kahfi, remaja-remaja al-Kahfi menyatakan bahawa mereka menjaga hati-hati mereka dengan keimanan. Malah, mereka juga berani menyatakan keimanan mereka kepada kaum mereka<sup>33</sup>. Kesimpulannya, ibu bapa hendaklah meembekalkan ilmu dan kefahaman agama yang cukup kepada anak-anak mereka. Selain itu, ibu bapa juga perlu melentur remaja agar menjadi seorang yang benar-benar mempunyai keimanan yang teguh dan tetap pendirian. Selain itu, pemantauan yang rapi terhadap persekitaran remaja juga perlu ditekankan oleh ibu bapa. Ini disebabkan persekitaran juga memainkan peranan penting untuk mereka menjadi orang yang benar-benar memiliki dalaman yang mantap.

Firman Allah s.w.t:

إِنِّي أُرِيدُ أَنْ تَبُوءَ بِإِثْمِي وَإِثْمِكَ فَتَكُونَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ وَذَلِكَ جَزَاءُ  
الظَّالِمِينَ ﴿٢٩﴾ فَطَوَّعَتْ لَهُ نَفْسُهُ قَتْلَ أَخِيهِ فَقَتَلَهُ فَأَصْبَحَ مِنَ  
الْحَاسِرِينَ ﴿٣٠﴾

Al-Maidah 5:29-30

Terjemahan: "Sesungguhnya aku ingin agar kamu kembali dengan membawa dosaku dan dosamu sendiri. Maka kamu akan menjadi penghuni neraka dan yang demikian itulah pembalasan bagi orang-orang yang zalim." (29) Maka hawa nafsu Qabil menjadikannya menganggap mudah membunuh saudaranya sebab itu dibunuhnya. Maka jadilah ia seorang di antara orang-orang yang rugi. (30)

Al-Maturidi menyatakan bahawa setelah Qabil membunuh Habil, Qabil memikul mayat Habil selama 40 hari sehingga telah rosak dan busuk. Kemudian Allah mengirinkan seekor burung gagak menggali tanah untuk menimbus

<sup>32</sup> Jalal ad-Din Muhammad al-Mahalli dan Jalal ad-Din Abdul Rahman as-Sayuti. (2010) *Tafsir Jalalain*. Kaherah: Dar Hadith, 32.

<sup>33</sup> Abdullah bin ‘Abbas. *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn ‘Abbas*, 244. Lihat juga Nasir ad-Din Abu Said Abdullah bin Umar. (1998) *Anwar Tanzil wa Asrar Takwil*. (Vol. 3). Beirut: Dar Ihya’ Turath Arabi, 274.

bangkai rakannya. Kelakuan burung gagak itu dipertontonkan kepada Qabil cara untuk menanam Habil<sup>34</sup>.

Berdasarkan penerangan ayat ini, dapatlah digambarkan bahawa remaja ini mempunyai sifat mudah kesal dengan kesalahan yang dibuat seperti mana Qabil menyesali pembunuhannya terhadap Habil. Selain itu, keadaannya yang cepat melatah, dengki dan cemburu yang tinggi dan tidak boleh pendapatnya ditolak juga sifat yang biasanya wujud dalam jiwa remaja. Akan tetapi, remaja mempunyai potensi dan cepat belajar akan sesuatu perkara baru dan perkara yang berada di sekeliling mereka. Ini jelas apabila Qabil melihat seekor burung gagak menanam gagak yang sudah mati.

Al-Quran menyatakan terdapat tiga karakteristik negatif yang lazimnya terdapat pada remaja iaitu; mengutamakan perasaan secara melulu, degil dan ego. Ketiga-tiga karakteristik negatif remaja dijelaskan dalam bentuk *qasas* al-Quran seperti berikut:

Firman Allah s.w.t:

وَهِيَ تَجْرِي بِهِمْ فِي مَوْجٍ كَالْجِبَالِ وَنَادَى نُوحٌ ابْنَهُ وَكَانَ فِي مَعْزِلٍ  
يَبْنِيْ اَرْكَبَ مَعَنَا وَلَا تَكُنْ مَعَ الْكَافِرِيْنَ ﴿٤٢﴾ قَالَ سَاوِيَ اِلَى جَبَلٍ  
يَعِصْمُنِي مِنَ الْمَاءِ قَالَ لَا عَاصِمَ الْيَوْمَ مِنْ اَمْرِ اللّٰهِ اِلَّا مَنْ رَحِمَ وَحَالَ  
بَيْنَهُمَا الْمَوْجُ فَكَانَ مِنَ الْمُغْرَقِيْنَ ﴿٤٣﴾

Hud 11: 42-43

Terjemahan: *Dan bahtera itu berlayar membawa mereka dalam gelombang laksana gunung. Dan Nuh memanggil anaknya sedang berada di tempat yang jauh terpencil: "Hai anakku, naiklah (ke kapal) bersama kami dan janganlah kamu berada bersama orang-orang yang kafir." (42) Anaknya menjawab: "Aku akan mencari perlindungan ke gunung yang dapat memeliharaku dari air bah!" Nuh berkata: "tidak ada yang melindungi hari ini dari azab Allah selain Allah (saja) yang Maha Penyayang". Dan gelombang menjadi penghalang antara*

<sup>34</sup> Muhammad bin Muhammad al-Maturidi. (2005). *Tafsir al-Maturidi*. (Vol. 3). Labenon: Dar Kutub Ilmiyyah, 499. Lihat juga Ahmad Sonhadji Mohamad. (1992). *Tafsir Juz 6: Tafsir Di Radio Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 146-148.

*keduanya. Maka jadilah anak itu termasuk orang-orang yang ditenggelamkan. (43)*

Dalam ayat ini, dinyatakan bahawa sebelum memulakan pelayaran, Nabi Nuh berusaha untuk mengajak anaknya yang bernama Kan'an yang pada masa itu, sedang berada jauh daripadanya supaya anaknya itu ikut berlayar bersama-sama dengannya. Anak Nabi Nuh menolak ajakan ayahnya dengan menjawab: *"Aku akan mencari perlindungan ke bukit yang dapat melindungi aku dari air dan dapat menyelamatkan aku dari tenggelam."*<sup>35</sup>

Sifat degil dan merasakan dirinya betul yang wujud dari sifat Kana'an anak Nabi Nuh sememangnya wujud dalam kalangan remaja. Kedegilan remaja pada dewasa ini lumrahnya tidak mendengar kata-kata ibu bapa mereka, guru-guru dan orang yang lebih tua dari mereka. Ini ditunjukkan oleh anak Nabi Nuh sendiri akan kedegilannya untuk mendengar kata-kata ayahnya. Bagi remaja, pendapat orang lain terutama pendapat ahli kumpulan dan rakan sebaya amat bermakna bagi mereka. Oleh itu, mereka akur dengan tingkah laku dan buah fikiran ahli kumpulan. Di suatu ketika mereka kelihatan sangat bergantung kepada orang dewasa untuk mendapat perlindungan tetapi pada ketika lain, mereka mahukan kebebasan. Oleh itu, tuntutan kebebasan dan pemberontakan terus berlaku pada peringkat ini<sup>36</sup>. Remaja mampu berfikir logik dan memahami konsep-konsep abstrak. Walaubagaimanapun, menurut Berger tidak semua remaja berjaya memasuki alam ini. Satu lagi perubahan pemikiran remaja adalah pemikiran egosentrisme<sup>37</sup> remaja. Remaja merasakan perhatian umum sering tertumpu kepada mereka. Sekiranya mereka tersalah cakap atau membuat kesilapan di majlis, semua orang akan sedar akan kesalahan yang mereka lakukan<sup>38</sup>.

Firman Allah s.w.t:

وَأْتَلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ أَبِي آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبْنَا قُرْبَانًا فَتُقْبَلُ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَلْ مِنَ الْآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ ﴿٤٣﴾ لَيْنٌ

<sup>35</sup> Abu Fida' Ismail bin Umar. *Tafsir Quran al-'Azim*. (Vol. 4), 323.

<sup>36</sup> Fariza Md. Sham, Perkembangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, 66-67.

<sup>37</sup> Egosentrisme adalah sifat seseorang yang tidak mahu melihat perspektif orang lain.

<sup>38</sup> Mahmood Nazar Mohamed. (2014). *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia: Psikologi Perkembangan Remaja dan Dewasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 218.

بَسَطَتْ إِلَيَّ يَدَكَ لِتَقْتُلَنِي مَا أَنَا بِبَاسِطٍ يَدِي إِلَيْكَ لِأَقْتُلَكَ إِنِّي أَخَافُ  
 اللَّهُ رَبَّ الْعَالَمِينَ ﴿٢٨﴾

Al-Maidah 5:27-28

Terjemahan: *Ceritakanlah kepada mereka kisah kedua putera Adam (Habil dan Qabil) menurut yang sebenarnya, ketika keduanya mempersembahkan korban, Maka diterima dari salah seorang dari mereka berdua (Habil) dan tidak diterima dari yang lain (Qabil). ia berkata (Qabil): "Aku pasti membunuhmu!". berkata Habil: "Sesungguhnya Allah hanya menerima (korban) dari orang-orang yang bertakwa". (27) "Sungguh kalau kamu menggerakkan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku sekali-kali tidak akan menggerakkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. Sesungguhnya aku takut kepada Allah, Tuhan seru sekalian alam."(28)*

Ayat di atas menunjukkan sifat Qabil yang tidak boleh menerima kenyataan bahawa korban Habil diterima Allah. Dengan itu jelas Ibn ‘Abas, Qabil mengambil keputusan untuk membunuh Habil<sup>39</sup>. Di sini jelas bahawa sifat remaja yang mudah mengikut perasaan sendiri membawa remaja kepada tindakan yang berbahaya dan mencederakan orang lain.

Firman Allah s.w.t:

قَالُوا سَمِعْنَا فَتًى يَذْكُرُهُمْ يُقَالُ لَهُ إِبْرَاهِيمُ ﴿٦٠﴾

Al-Anbiya 21:60

Terjemahan: *Mereka berkata: "Kami dengar ada seorang pemuda yang mencela berhala-berhala ini yang bernama Ibrahim "*

Nabi Ibrahim mencaci berhala-berhala yang kaumnya sembah sambil bersumpah hendak membinasakan berhala-berhala. Ucapan Nabi Ibrahim didengari orang lain<sup>40</sup>. Menurut Ibn ‘Abbas dan Abu al-Muzfar, *fata* iaitu remaja yang menunjukkan usia Nabi Ibrahim ketika itu<sup>41</sup>.

<sup>39</sup> Abdullah bin ‘Abbas. *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn ‘Abbas*, 92. Lihat juga Mansor bin Muhammad. (T.T.). *Tafsir al-Quran*. Riyadh: Dar Watan.

<sup>40</sup> Ahmad Sonhadji Mohamad. (1992). *Tafsir Juz 17: Tafsir Di Radio Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 74.

<sup>41</sup> Abdullah bin ‘Abbas. *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn ‘Abbas*, 273.

Berani dalam menyatakan sesuatu yang benar juga adalah di antara sifat positif dalam seseorang remaja. Mereka mempunyai pandangan yang lebih logik dan ke hadapan yang kebiasaannya didengari oleh orang dewasa. Kerana sifat agresif remaja, perlulah ada keseimbangan pandangan dari orang yang lebih dewasa. Ini disebabkan pengalaman yang ada pada orang dewasa mampu membawa remaja untuk manaakul akan pandangan mereka agar dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih bernas dan rapi.

Firman Allah s.w.t:

وَدَخَلَ مَعَهُ السِّجْنَ فَتَيَانٍ قَالَ أَحَدُهُمَا إِنِّي أَرَانِي أَعْصِرُ خَمْرًا وَقَالَ  
الْآخَرُ إِنِّي أَرَانِي أُحْمَلُ فَوْقَ رَأْسِي خُبْرًا تَأْكُلُ الطَّيْرُ مِنْهُ نَبِئْنَا بِتَأْوِيلِهِ  
إِنَّا نَرَاكَ مِنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٦﴾

Yusuf 12:36

Terjemahan: *Dan bersama dengan dia masuk pula ke dalam penjara dua orang pemuda berkatalah salah seorang di antara keduanya: "Sesungguhnya aku bermimpi, bahwa aku memeras anggur." Dan yang lainnya berkata: "Sesungguhnya aku bermimpi bahwa aku membawa roti di atas kepalaku, sebahagiannya dimakan burung." Berikanlah kepada kami ta'birnya; Sesungguhnya kami memandang kamu termasuk orang-orang yang pandai (mena'birkan mimpi).*

Nabi Yusuf dimasukkan ke dalam penjara bersama-sama dengan dua orang remaja. Oleh itu, Nabi Yusuf menjadi rapat dan saling sayang menyayangi<sup>42</sup>. Allah menceritakan pada masa Nabi Yusuf dimasukkan ke dalam penjara terdapat dua orang pemuda yang sama-sama dimasukkan ke dalam penjara. Di dalam penjara inilah kedua pemuda berkenalan dengan Nabi Yusuf. Kebetulan mereka berdua bermimpi dan meminta Nabi Yusuf untuk mentakwilkan mimpi mereka. Mereka bertanya kepada Nabi Yusuf kerana mereka tahu Nabi Yusuf terkenal dengan luas pengetahuannya, budi baik bahasanya, kuat beribadah, siangnya berpuasa, malamnya beribadah dan tidak berhenti mengajak penghuni di dalam penjara itu mengesakan Allah<sup>43</sup>.

<sup>42</sup> *Ibid*, 231.

<sup>43</sup> Ahmad Sonhadji Mohamad. (1992). *Tafsir Juz 12: Tafsir Di Radio Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 187.

Mereka lalu bertanya Nabi Yusuf akan mimpi yang mereka alami dan ingin tahu apakah yang diertikan dalam mimpi yang mereka alami. Ini menunjukkan sifat mereka yang ingin tahu adalah menjadi sifat kebiasaan bagi remaja. Ini disebabkan faktor usia mereka yang masih menjelajah dalam serta mencari kebaikan atau keburukan.

Firman Allah s.w.t:

فَمَا ءَامَنَ لِمُوسَىٰ إِلَّا ذُرِّيَّةٌ مِّن قَوْمِهِ عَلَىٰ خَوْفٍ مِّن فِرْعَوْنَ  
وَمَلَإِيْهِمْ أَن يَفْتِنَهُمْ وَإِنَّ فِرْعَوْنَ لَعَالٍ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الْمُسْرِفِينَ



Yunus 10:83

Terjemahan: *Maka tidak ada yang beriman kepada Musa, melainkan pemuda-pemuda dari kaumnya (Musa) dalam keadaan takut bahawa Firaun dan pembesar-pembesar kaumnya akan menyiksa mereka. Sesungguhnya Firaun itu berbuat sewenang-wenang di muka bumi dan sesungguhnya Dia termasuk orang-orang yang melampaui batas.*

Di dalam ayat ini, dinyatakan bahawa hanya golongan muda yang menyatakan keimanan kepada Nabi Musa dan golongan tua tidak banyak menyatakan keimanan secara terang-terangan<sup>44</sup>. Ahmad Sonhadji Mohamad menyatakan dalam tafsir beliau bahawa Allah s.w.t menyatakan usaha Nabi Musa untuk menyeru Firaun dan pembesar-pembesarnya ke jalan Allah tidak mendapat sambutan yang memuaskan, kerana tidak ada yang mahu beriman dan menyahut seruannya, kecuali sebahagian kecil. Sebahagian kecil yang dijelaskan di dalam tafsir ini ialah golongan *dhurriyyah*. Golongan *dhurriyyah* ialah beberapa anak muda daripada kaum Bani Israil. Mereka berani menentang dan menghadapi ancaman Firaun berbanding dengan golongan dewasa<sup>45</sup>.

Manakala bagi pandangan ar-Razi, terdapat empat pendapat yang berbeza terhadap kalimah *dhurriyyah*. Pendapat pertama menyatakan *dhurriyyah* adalah kelompok yang kecil. Sepertimana yang diutarakan oleh Ibn 'Abbas bahawa kalimah *dhurriyyah* adalah keturunan Firaun yang beriman dengan Nabi Musa

<sup>44</sup> Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA). (1983). *Tafsir Al-Azhar Juzu' 10-12*. Jakarta: Pustaka Panjimas, 297.

<sup>45</sup> Ahmad Sonhadji Mohamad. (1992). *Tafsir Juz 11: Tafsir Di Radio Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 187.



dari sebilangan yang kecil<sup>46</sup>. Pendapat kedua adalah anak-anak yang beriman daripada ibu bapa yang kafir. Pendapat ketiga adalah keturunan di mana sebelah bapa mereka adalah Firaun dan di sebelah ibu mereka adalah Bani Israil. Pendapat keempat adalah keturunan daripada keluarga Firaun<sup>47</sup>. Ibn Kathir menyatakan bahawa kalimah *dhurriyyah* itu adalah remaja yang takut dengan kekufuran. Berkata Mujahid *dhurriyyah* itu adalah remaja yang tiada bapa yang diutuskan kepada Nabi Musa. Mereka adalah dari kalangan Bani Israil<sup>48</sup>.

Oleh itu, jelaslah di sini bahawa remaja ialah golongan yang mudah dilentur dan boleh menjadi orang yang kuat pegangan sekiranya dipandu dengan jalan yang benar. Remaja juga mampu berfikir dan menaakul keputusan mereka untuk memilih sesebuah individu yang mampu menunjukkan bukti kebenaran. Walau bagaimanapun, sifat remaja yang mudah dilentur sebegini tetap dikategorikan kepada karekteristik yang berubah. Selain itu, remaja juga suka untuk menyahut cabaran. Ini dinyatakan di dalam ayat di atas, golongan remaja tidak takut akan ancaman Firaun. Remaja yang sukakan cabaran akan cenderung kepada sesuatu yang dapat membantu mereka. Ia juga dapat menunjukkan mereka ialah seorang yang hebat. Sebagai contoh, sekiranya keselesaan hidup yang dilihat oleh remaja adalah mudah dengan cara menjual dadah, mencuri dan menjual diri, maka remaja akan cenderung untuk memilih jalan tersebut. Selain itu, perbuatan-perbuatan yang mencabar seperti menjual dadah, mencuri dan sebagainya dapat menunjukkan lagi rasa kehebatan diri dalam remaja.

Firman Allah s.w.t:

فَبَعَثَ اللَّهُ غُرَابًا يَبْحَثُ فِي الْأَرْضِ لِيُرِيَهُ كَيْفَ يُورِي سَوَاءَ أَخِيهِ قَالَ  
يَوَيْلَ لِيَ أَعْجَزْتُ أَنْ أَكُونَ مِثْلَ هَذَا الْغُرَابِ فَأُورِيَ سَوَاءَ أَخِي فَأَصْبَحَ

مِنَ النَّادِمِينَ ﴿٥١﴾

Al-Maidah 5:31

Terjemahan: *Kemudian Allah menyuruh seekor burung gagak menggali-gali di bumi untuk memperlihatkan kepadanya (Qabil) bagaimana seharusnya menguburkan mayat saudaranya. Berkata*

<sup>46</sup> Abdullah bin 'Abbas. *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn 'Abbas*, 178.

<sup>47</sup> Abu Abdullah Muhammad bin Umar. (2000). *Mafatihul Ghaib*. (Vol. 7). Beirut: Dar Ihya Turath Arabi, 288-289.

<sup>48</sup> Abu Fida' Ismail bin Umar. (1992). *Tafsir Quran al-'Azim*. (Vol. 4). Riyadh: Dar Toyyibah Li Nashr wa Tauzi', 287.

*Qabil: "Aduhai celaka Aku, mengapa aku tidak mampu berbuat seperti burung gagak ini, lalu aku dapat menguburkan mayat saudaraku ini?" karena itu jadilah Dia seorang diantara orang-orang yang menyesal.*

Seekor burung gagak mencari tanah untuk mengambus mayat seekor gagak yang mati. Maka, Qabil melihat keadaan gagak itu dan Qabil mengambus mayat Habil ke dalam tanah<sup>49</sup>. Al-Maturidi menyatakan bahawa burung gagak menanam gagak yang mati kerana tidak mahu dijumpai oleh burung-burung gagak yang lain. Dengan itu, Qabil mendapat ilham untuk menanam Habil ke dalam tanah. Pada kalimah *saw'ah* di dalam ayat ini bermaksud aurat. Aurat yang dimaksudkan ini boleh difahami dengan dua keadaan iaitu yang pertama; Qabil bertujuan menanam Habil adalah untuk menutup aurat Habil dan yang kedua; Qabil menyembunyikan pembunuhan yang telah dibuatnya. Ar-Razi menyatakan bahawa Allah menghantar dua burung gagak dan membunuh antara satu sama lain. Kemudian gagak itu melemparkan kawannya yang telah mati ke dalam lubang<sup>50</sup>. Ini bertujuan untuk mengajar Qabil secara tidak langsung. Manakala al-Baidhawi pula menyatakan kalimah *saw'ah* adalah petanda kepada mayat Habil untuk senang dilihat. *Saw'ah* pada mayat Habil juga membuatkan Qabil menjadi orang yang paling kesal dengan perbuatannya<sup>51</sup>. Al-Qasimi menyatakan bahawa ayat ini menjelaskan kedangkalan ilmu Habil dalam menguruskan mayat. Oleh itu, Habil belajar daripada gagak cara penanaman mayat<sup>52</sup>.

Berdasarkan ayat 31 surah al-Maidah, Qabil menunjukkan karakteristik berubah yang menjurus kepada positif. Ini disebabkan sifat Qabil yang cepat belajar daripada pemerhatiannya terhadap seekor burung gagak yang menanam mayat gagak yang sudah mati. Dengan itu, remaja juga mempunyai karakteristik cepat belajar yang boleh melibatkan proses pembelajaran terhadap benda yang baik atau yang buruk. Kecerdasan remaja dalam karakteristik ini memudahkan para penjaga atau ibu bapa untuk melentur remaja ke arah yang baik. Selain itu, penerapan dalam mengajar remaja agar dapat menaakul dan mempertimbangkan sesuatu perkara adalah penting dalam proses melentur remaja. Remaja haruslah diberi pilihan untuk berfikir di samping penjaga dan ibu bapa mendorong untuk

<sup>49</sup> Abdullah bin 'Abbas. *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn 'Abbas*, 92.

<sup>50</sup> Abu Abdullah Muhammad bin Umar al-Razi. (2000). *Mafatih al-Ghaib*. (Vol. 11). Beirut: Dar Ihya' Turath 'Arabi, 341.


<sup>51</sup> Muhammad bin Muhammad al-Maturidi. (2005). *Tafsir al-Maturidi*. (Vol. 3). Lubnan, Dar Kutub Ilmiyyah, 501.

<sup>52</sup> Muhammad Jamal ad-Din al-Qasimi. (1998). *Mahasin al-Takwil*. (Vol. 4). Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah, 111.

menggambarkan justifikasi yang positif supaya remaja tidak tergesa untuk memilih tindakan yang negatif<sup>53</sup>.

### 3.2 Pemulihan Sebagai Sebahagian Pendekatan Dakwah Terhadap Remaja Menurut Al-Quran

Gabungan pendekatan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai kisah Maryam a.s dan model al-Ghazali membentuk kerangka konseptual kajian yang dijalankan. Kerangka konseptual kajian ini merupakan garis panduan yang digunakan dalam menjalankan kajian. Kerangka konseptual yang diterjemahkan penulis adalah menerusi tiga pendekatan utama iaitu motivasi dengan pujian dan kata-kata yang baik, perintah yang ditujukan dan justifikasi perintah. Pendekatan-pendekatan yang disediakan adalah diadaptasi menggunakan pendekatan al-Ghazali secara hikmah.



**Rajah 1:** Kerangka Konseptual

Adaptasi: Pendekatan Al-Ghazali<sup>54</sup>

<sup>53</sup> Nasir ad-Din Abu Said Abdullah bin Umar. (1998). *Anwar at-Tanzil wa Asrar at-Ta'wil*. (Vol. 2). Beirut, Dar Ihya' at-Turath 'Arabi, 124.

<sup>54</sup> Yatimah Sarmani dan Mohd. Tajudin Ninggal. (2009). *Teori Kaunseling Al-Ghazali*. Selangor: PTS Islamika, 128-131.

Rajah 1 menunjukkan pendekatan-pendekatan yang diekstrak dari ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan kisah Maryam a.s. Menurut at-Tabary di dalam *Jami' al-Ahkam al-Quran li at-Qurtuby*, Maryam a.s berumur tiga belas tahun ketika mengandung Nabi Isa a.s.<sup>55</sup> Terdapat tiga pendekatan yang ditekankan iaitu motivasi dengan pujian dan kata-kata merujuk kepada pendekatan pertama. Ia menunjukkan aspek yang paling penting dalam pendekatan al-Ghazali iaitu membina hubungan dengan sesebuah individu. Dalam membina hubungan dengan sesebuah individu, tatacara penyampaian yang baik amatlah diperlukan. Di antaranya adalah seperti memberi pujian dan menyampaikan dengan kata-kata yang baik.

Pendekatan yang kedua adalah perintah yang ditujukan. Perintah yang ditujukan adalah seperti saranan dalam melakukan perkara-perkara yang baik, mencadangkan pendekatan diri kepada Allah dengan membaca al-Qur'an, berzikir dan sebagainya. Pendekatan kedua ini dilaksanakan setelah mengenal pasti masalah dan latar belakang sesebuah individu. Sebagai contoh, mengenal pasti bagaimana keadaan dan cara yang sesuai untuk memberi perintah.

Pendekatan ketiga adalah justifikasi perintah iaitu menyatakan apakah keperluan dalam melaksanakan perintah yang disuruh. Pada peringkat ini, akan timbul kesefahaman terhadap keberadaan individu dan permasalahan yang diterima. Di antara saranan pendekatan yang digalakkan oleh al-Ghazali adalah dengan menyuntik semangat dan kekuatan supaya tidak berputus asa. Di samping itu, galakkan untuk individu meletakkan harapan kepada Allah s.w.t. Dalam hal ini, al-Ghazali ada menegaskan bahawa umat Islam wajar terus berusaha mencari kehidupan di samping yakin dengan rezeki yang akan diberikan Allah kepadanya.<sup>56</sup>

#### 4. KESIMPULAN

Karakteristik remaja yang diceritakan di dalam al-Quran adalah untuk memberi gambaran terhadap pendidik remaja mengenai ragam mereka agar difahami oleh para ibu bapa, para guru, para kaunseling dan selainnya. Ini bertujuan agar pendidik dapat merangka dan melakukan tindakan yang bertepatan dengan keadaan sebenar remaja. Penceritaan yang dikhabarkan di dalam al-Quran

<sup>55</sup> Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakar al-Qurtuby. (2006). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran al-Qurtuby*. (Vol. 13). Lubnan: al-Risalah Publisher, 430.

<sup>56</sup> Mohd Fauzi Hamat. (2010). Kaedah Mengatasi Kebimbangan dalam Kaunseling: Analisis dari Perpektif Al-Ghazali. *Jurnal Hadhari* 3(1), 41-57.

memberi kita refleksi dan realiti karakteristik remaja berdasarkan kisah-kisah remaja dari zaman para Nabi dan Rasul.

Terdapat tiga pendekatan utama yang dapat digali berkenaan dengan pendekatan terhadap remaja berteraskan al-Quran iaitu; motivasi dengan pujian dan kata-kata yang baik, perintah yang ditujukan kepada hamba dan justifikasi perintah. Al-Quran menampilkan beberapa kaedah bagi memulihkan para remaja sama ada dalil jelas daripada Allah mahupun tidak melalui qasas. Kebanyakan pendekatan pemulihan yang dinyatakan di dalam al-Quran dapat dipetik daripada qasas al-Quran dengan mengambil 'ibrah daripada kisah-kisah yang dirakam dalam al-Quran. Perlu diketahui bahawa dalam mengekstrak pendekatan-pendekatan yang dinyatakan dalam al-Quran, kajian ini meneliti ayat mengenai golongan remaja yang dipulihkan dan ditarbiah, dan bukanlah remaja yang menjadi individu pendakwah dan murabbi. Pendekatan ini bersandarkan kepada struktur ayat al-Quran yang berperingkat dalam mendekati remaja. Berikut merupakan langkah-langkah pemulihan.

#### RUJUKAN:

- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA). (1983). *Tafsir Al-Azhar Juzu' 10-12*. Jakarta: Pustaka Panjimas, 297.
- Abdullah bin 'Abbas. (1992). *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn 'Abbas*. Lubnan: Dar Kutub 'Ilmiyyah.
- Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakar al-Qurtuby. (2006). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran al-Qurtuby*. (Vol. 13). Lubnan: al-Risalah Publisher.
- Abu Abdullah Muhammad bin Umar al-Razi. (2000). *Mafatih al-Ghaib*. (Vol. 11). Beirut: Dar Ihya' Turath 'Arabi.
- Abu Abdullah Muhammad bin Umar. (2000). *Mafatihul Ghaib*. (Vol. 7). Beirut: Dar Ihya Turath Arabi.
- Abu Abdullah Muhammad bin Umar. (T.T.). *Mafatihul Ghaib*. (Vol. 21). Beirut: Dar Ihya Turath Arabi.
- Abu Fida' Ismail bin Umar. (1992). *Tafsir Quran al-'Azim*. (Vol. 4). Riyadh: Dar Toyyibah Li Nashr wa Tauzi'.
- Abu Fida' Ismail bin Umar. (1999). *Tafsir Quran al-'Azim*. (Vol. 4). Riyadh: Dar Toyyibah Li Nashr wa Tauzi'.
- Abu Hafz Sirajuddin Umar bin Ali. (1998). *Al-Lubab Fi Ulum al-Quran*. (Vol. 12). Lubnan: Dar Kutub al-'Alamiyyah.

- Abu Muhammad Makki bin Abi Talib. (2008). *Al-Hidayah ila Bulugh Nihayah Fi Ilm Ma'ani Quran*. (Vol. 6, Ed. 1). Sharjah: Majmu'ah Buhus Kitab wa Sunnah, Kuliyyah Syariah dan Pengajian Islam Universiti Sharjah.
- Adolscent Health*, laman Sesawang WHO dicapai pada 5 Februari 2022, [www.who.int](http://www.who.int).
- Ahmad Sonhadji Mohamad. (1992). *Tafsir Juz 11: Tafsir Di Radio Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Ahmad Sonhadji Mohamad. (1992). *Tafsir Juz 12: Tafsir Di Radio Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Ahmad Sonhadji Mohamad. (1992). *Tafsir Juz 15: Tafsir Di Radio Al-Quran*, Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Ahmad Sonhadji Mohamad. (1992). *Tafsir Juz 17: Tafsir Di Radio Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Ahmad Sonhadji Mohamad. (1992). *Tafsir Juz 6: Tafsir Di Radio Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Basil Mahmud al-Haqi. (2011). *Fiqh At-Tufulah Ahkam an-Nafs Dirasah Muqaranah*. Lubnan: Dar Nawadir.
- Deni Hamdani Firdaus dan Yudi Sirajuddin Syarif. (2008). *Kamus Al-Quran: Cara Mudah Mencari Makna Dalam Al-Quran*. Jakarta: Pustaka Ancala.
- Dolah Mohamed. (2013). *Kaedah Kaunseling Masalah Remaja dalam Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. (Ed. Ke-2). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza Md. Sham. (2013). Perkembangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. (Ed. Ke-2). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Flisher, Alan J. dan Gerein, Nancy. (2017). Adolescents. *International Encyclopedia of Public Health*.
- Jalal ad-Din Muhammad al-Mahalli dan Jalal ad-Din Abdul Rahman as-Sayuti. (2010) *Tafsir Jalalain*. Kaherah: Dar Hadith.
- Jalaluddin Al-Muhaili dan Jalaluddin As-Sayuti. (2010). *Tafsir Jalalain Berikut Asbabun Nuzul*. Terjmh: Bahrun Abu Bakar. (Vol. 1). Bandung: Sinar Baru Algensindo.
- Laman sesawang G.Stanley Hall's Adolescence dicapai pada 5 Februari 2022, [www.jeffreyarnett.com](http://www.jeffreyarnett.com).
- Jeffrey Jensen Arnett. (2006). G.Stanley Hall's Adolescence: Brilliance And Nonsences. *History of Psychology* 9, 187. [www.jeffreyarnett.com](http://www.jeffreyarnett.com).
- Kahiriah Hussein. (2016). *Ibu Pendidik Generasi Islam*. Jakarta: Firduss Pressindo.
- Mansor bin Muhammad. (T.T.). *Tafsir al-Quran*. Riyadh: Dar Watan.

- Mahmood Nazar Mohamed. (2014). *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia: Psikologi Perkembangan Remaja dan Dewasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mahya Sunnah, Abu Muhammad Hussein bin Masu'd al-Baghawi. (1997). *Ma'alim at-Tanzil Fi Tafsir Quran: Tafsir al-Baghawi*. Riyadh: Dar Tayyibah.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali dan Hanit Osman. (2013). *Kaunseling Dalam Islam*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Fauzi Hamat. (2010). Kaedah Mengatasi Kebimbangan dalam Kaunseling: Analisis dari Perpektif Al-Ghazali. *Jurnal Hadhari* 3(1).
- Muhamad bin Ahmad. (T.T.). *Zabratul Tafasir*. (Vol. 6). Kaherah: Dar Fikir 'Arabi, 4889. Lihat juga Ibrahim bin Ismail al-Aibari. (1985). *Mausu'atul Quraniyyah*. (Vol. 10). Kaherah: Muasasah Sijil Arab.
- Muhammad bin Muhammad al-Maturidi. (2005). *Tafsir al-Maturidi*. (Vol. 3). Labenon: Dar Kutub Ilmiyyah.
- Muhammad bin Muhammad al-Maturidi. (2005). *Tafsir al-Maturidi*. (Vol. 3). Lubnan, Dar Kutub Ilmiyyah.
- Muhammad bin Yusuf As-Syahid. (1993). *Tafsir Babrul Muhit*. (Vol. 6) Lubnan: Darul Kutub Al-Ilmiyyah.
- Muhammad Jamal ad-Din al-Qasimi. (1998). *Mahasin al-Takwil*. (Vol. 4). Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Mutawali Sya'rawi. (1997). *Tafsir Sya'rawi*. (Vol. 11). T.T.: Akhbar El Youm Press.
- Nasir ad-Din Abu Said Abdullah bin Umar. (1998) *Anwar Tanzil wa Asrar Takwil*. (Vol. 3). Beirut: Dar Ihya' Turath Arabi, 274.
- Nasir ad-Din Abu Said Abdullah bin Umar. (1998). *Anwar at-Tanzil wa Asrar at-Ta'wil*. (Vol. 2). Beirut, Dar Ihya' at-Turath 'Arabi.
- Yatimah Sarmani dan Mohd. Tajudin Ninggal. (2009). *Teori Kaunseling Al-Ghazali*. Selangor: PTS Islamika.
- Zulkifli Mohd Yusoff. (2009). *Kamus Al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam Al-Quran*. Selangor: PTS Islamika Sdn.Bhd.